



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1315

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING (PINDAAN) 2007

Tarikh Perkenan Diraja 29 Ogos 2007

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... 30 Ogos 2007

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta A1315****AKTA KUALITI ALAM SEKELILING (PINDAAN) 2007**

Suatu Akta untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2007.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh penyarannya dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 34B

2. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [*Akta 127*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 34B dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:

“(4) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan hendaklah dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun dan hendaklah juga didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit.”.

Pindaan seksyen 43

3. Seksyen 43 Akta ibu dipinda dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan “pengarah,” perkataan “ketua pegawai eksekutif,”.